



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

### GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS TRAVEL AND TOURS MANAGEMENT COURSE

# **GARIS PANDUAN KURSUS**

## **TRAVEL & TOURS MANAGEMENT COURSE**

### **1. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada syarikat baharu Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaraan (TOBTAB), Syarikat Malaysia My Second Home (MM2H) dan juga pelaksana kursus *Travel and Tours Management Course* (TTMC) bagi menjelaskan tatacara pelaksanaan kursus, syarat-syarat penyertaan, tanggungjawab pengajur, pensijilan, kelayakan penceramah dan juga pemantauan kursus.

### **2. LATAR BELAKANG KURSUS**

Kursus ini merupakan kursus wajib yang merupakan pra-syarat ke atas Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) yang memohon lesen baharu syarikat TOBTAB dan syarikat *Malaysia My Second Home* (MM2H) daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

### **3. OBJEKTIF KURSUS**

- a) Memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai pengurusan asas untuk menjalankan perniagaan TOBTAB dan syarikat MM2H selaras dengan Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 (Akta 482);
- b) Meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan bagi kepuasan pelancong;
- c) Memastikan Syarikat TOBTAB dan Syarikat MM2H sentiasa dilengkapi dengan maklumat terkini dan relevan mengenai isu semasa serta halatuju MOTAC; dan
- d) Menjadi platform kepada pengusaha industri pelancongan tempatan untuk memberi maklum balas mengenai isu-isu semasa berkaitan industri.

#### **4. PELAKSANAAN KURSUS**

- a) Kursus hendaklah dilaksanakan secara fizikal oleh Persatuan Institut-Institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM). Permohonan mengikuti kursus boleh dikemukakan kepada pelaksana kursus dengan memuat turun borang permohonan di pautan berikut:  
<https://www.motac.gov.my/program/kursus/ttmc-ttec>
- b) Pemohon boleh merujuk jadual pelaksanaan kursus di pautan berikut:  
<https://www.motac.gov.my/program/kursus/ttmc-ttec>
- c) Jangka masa pelaksanaan kursus TTMC adalah selama dua (2) hari.

#### **5. TANGGUNGJAWAB PELAKSANA KURSUS**

- a) Pelaksana kursus wajib mengemukakan permohonan kelulusan pelaksanaan kursus kepada Bahagian Pembangunan Industri (BPI) dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja sebelum tarikh pelaksanaan kursus dengan mengemukakan maklumat seperti berikut:
  - i. butiran pengendali kursus;
  - ii. tarikh pelaksanaan kursus;
  - iii. lokasi pelaksanaan kursus;
  - iv. bilangan Peserta; dan
  - v. nama Penceramah
- b) Mengemukakan dokumen lengkap permohonan kursus untuk pertimbangan dan kelulusan BPI;
- c) Senarai akhir peserta kursus wajib dikemukakan oleh pihak penganjur kepada pemantau dalam tempoh tidak lewat dari tiga (3) hari bekerja sebelum program bermula.

- d) Melaksanakan kursus seperti tarikh dalam Jadual Pelaksanaan Kursus yang telah diputuskan oleh MOTAC melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus (JKP);
- e) Memastikan ceramah disampaikan oleh penceramah yang telah ditauliahkan oleh MOTAC dengan mengguna pakai modul yang ditetapkan;
- f) Mewajibkan kehadiran peserta pada setiap modul dan sesi. Peserta yang tidak menghadiri mana-mana modul dan sesi akan dianggap gagal melengkapkan kursus;
- g) Memastikan peserta kursus memakai pakaian yang formal, kemas dan bersesuaian semasa menghadiri kursus; dan
- h) Mengemukakan laporan pelaksanaan kursus mengikut format dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kursus berserta salinan dokumen berikut:-
  - i. salinan kad pengenalan peserta;
  - ii. gambar berwarna pelaksanaan kursus;
  - iii. salinan senarai kehadiran yang ditandatangani oleh peserta

## **6. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

- a) Kursus ini wajib dihadiri oleh mana-mana Syarikat Sendirian Berhad yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang ingin memohon lesen baru TOBTAB atau MM2H daripada MOTAC.
- b) Ia merangkumi permohonan lesen di bawah kategori berikut:-
  - i. *inbound*;
  - ii. *outbound*;
  - iii. *ticketing*; dan
  - iv. mana-mana kombinasi kategori pelesenan di atas.

- c) Penyertaan mestilah terdiri daripada ahli lembaga pengarah atau pemegang saham syarikat atau kakitangan pengurusan tertinggi syarikat (contoh: Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi/Pengurus Besar/Pengurus atau setaraf).
- d) Yuran kursus adalah sebanyak RM800.00 untuk setiap peserta yang merangkumi kos penyediaan tempat, makan minum, bahan pembelajaran kursus dan bayaran penceramah.

## **7. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENCERAMAH**

- a) Penceramah hendaklah mendapat pentaulahan daripada MOTAC;
- b) Bertutur dan menguasai Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dengan baik;
- c) Hendaklah sihat tubuh badan dan berfikiran waras; dan
- d) Ceramah yang disampaikan tidak menyentuh hal-hal agama, institusi beraja dan perkauman.

## **8. SIJIL KURSUS**

- a) Sijil kursus akan dikeluarkan oleh BPI kepada pelaksana dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja setelah menerima salinan dokumen lengkap seperti di Perkara 5 (h);
- b) Peserta diwajibkan untuk hadir sepenuhnya ke semua modul sepanjang tempoh kursus. Peserta yang gagal memenuhi syarat kehadiran ini akan dianggap tidak melengkapkan kursus dan tidak layak menerima sebarang sijil penyertaan.
- c) Tempoh sah laku sijil kursus bagi tujuan permohonan lesen TOBTAB atau MM2H adalah satu (1) tahun daripada tarikh menghadiri kursus; dan
- d) Sijil kursus hendaklah memaparkan nama syarikat, nama peserta dan nombor kad pengenalan.

- e) Bagi mana-mana peserta yang kehilangan atau kerosakan sijil kursus hendaklah memaklumkan kepada pelaksana kursus.
- f) Pelaksana kursus perlu mengemukakan secara bertulis kepada BPI maklumat yang telah diperakukan seperti berikut:-
  - i. nama syarikat;
  - ii. nama peserta; dan
  - iii. salinan kad pengenalan peserta.
- g) Salinan sijil yang diperakui sah oleh MOTAC sahaja akan diberikan bagi mengantikan kehilangan atau kerosakan sijil penyertaan peserta.
- h) Tempoh penyimpanan sijil penyertaan kursus di MOTAC adalah tujuh (7) tahun dari tahun sijil dikeluarkan.

## **9. PEMANTAUAN**

- a) Pelaksanaan kursus diwajibkan mempunyai seorang pegawai pemantau sahaja daripada Ibu Pejabat MOTAC.

## **10. PERANAN PEJABAT MOTAC NEGERI**

- a) Memantau pelaksanaan kursus selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pemantauan yang sedang berkuat kuasa.
- b) Memastikan pelaksana kursus menjalankan tanggungjawab selaras dengan Perkara 5.

## **11. NOTIS PEMBATALAN**

- a) Garis Panduan ini boleh dipinda dan ditambah baik oleh MOTAC dari semasa ke semasa;

- b) Garis Panduan ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan dan arahan rasmi yang telah dan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh MOTAC; dan
- c) Jika terdapat sebarang percanggahan arahan atau peraturan bagi butiran atau perkara yang sama di antara kandungan garis panduan ini dengan kandungan garis panduan/arahan/peraturan yang telah dikeluarkan sebelum ini, maka kandungan garis panduan ini hendaklah diguna pakai.

## **12. MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

- a) Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut sila hubungi:
  - i. Cawangan Pembangunan Modal Insan/Standard  
Bahagian Pembangunan Industri  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Tingkat 14, No. 2, Menara 1  
Jalan P5/, Presint 5  
62200 Putrajaya  
Tel: 03-8891 7000  
Faks: 03-8891 7473
  - ii. Pejabat MOTAC Negeri dengan merujuk pautan berikut:  
<https://www.motac.gov.my/direktori>

## **13. TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini akan diguna pakai dan berkuat kuasa daripada tarikh dikeluarkan.